

27 DISEMBER 2017

## Polis Kuala Lumpur bongkar taktik edar dadah dalam botol kaca

### Polis Kuala Lumpur bongkar taktik edar dadah dalam botol kaca

**KUALA LUMPUR** - Polis mengesan taktik terbaharu sindiket pengedaran dadah yang memasukkan bahan terlarang itu ke dalam botol kaca bersaiz kecil sebelum dijual di pusat-pusat hiburan bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Taktik terbaharu itu dikesan susulan tertangkapnya enam individu termasuk tiga wanita warga Vietnam dalam dua serbuan berasingan di Taman Maluri, Cheras dan Kuchai Entrepreneur Park di sini pada Jumaat serta Sabtu lalu.

Difahamkan, botol kaca tersebut dijual pada harga



**BOTOL** kaca bersaiz kecil yang mengandungi dadah dijual pada harga mencecah RM200 sebotol.

RM200 sebotol di pusat-pusat hiburan sekitar Lembah Klang.

Kesemua suspek yang ditahan berusia lingkungan 21 hingga 54 tahun

dan mereka dipercayai aktif menjalankan kegiatan membungkus dadah menggunakan dadah menggunaan dadah peket minuman.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Adnan Azizon (gambar kecil) berkata, dalam tangkapan pertama pada Jumaat lalu, pihaknya menahan tiga individu termasuk sepasang kekasih warga Vietnam di sebuah kondominium di Taman Maluri.

"Bagi tangkapan kedua, kami memberkas seorang

lelaki tempatan dan dua wanita warga Vietnam di sebuah kondominium di

Kuchai Entrepreneur Park.

"Melalui kedua-dua tangkapan itu, kita merampas 9.28 kilogram (kg) dadah pelbagai jenis yang bernilai RM57,300," katanya pada sidang akhbar di Ibu

Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini semalam.

Adnan berkata, dadah tersebut terdiri daripada 60 peket minuman jus limau dipercayai mengandungi ekstasi seberat 1.2kg,

24 botol kaca berisi syabu (65.1g) dan dua peket syabu (74g).

"Kita turut merampas 1,090 biji pil ekstasi, dua peket ketamin, 170 biji pil nimetazepam, 10 batang rokok kanabis, 379 peket serbuk ekstasi, dua peket jus limau dan dua botol berisi ekstasi," katanya.

Jelasnya, salah seorang suspek mempunyai lapan rekod lampau bersabit kes dadah dan kesemua mereka tidak bekerja.

Kesemua suspek ditahan reman sehingga Jumaat ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

